

Langsai bil lengkap dalam tiga minggu'

Bayaran lewat kepada kontraktor beri tanggapan negatif: PM

Oleh Kadir Dikoh
dan Amirullah Andi Nur

PUTRAJAYA: Semua kementerian dan agensi kerajaan diarah melangkaikan segala bil lengkap yang tertunggak dalam tempoh tiga minggu dari tarikh resit diterima bagi mengatasi masalah kelewatan bayaran kepada kontraktor dan pembekal perkhidmatan.

Ini antara lima langkah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai tindakan serta-merta bagi menangani masalah itu serta untuk mempercepatkan pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Empat langkah lain ialah:

- Mana-mana pembekal yang tidak dibayar dalam masa tiga minggu boleh menghubungi Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dengan menelefon 03-88881688 atau e-mel kepada esapa@icu.gov.my;

- Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek, Kementerian Kewangan mengadakan pertemuan lebih kerap dengan semua kementerian dan pihak berkuasa negeri yang berkaitan untuk menghadapi sebarang isu atau "masalah lain yang timbul";

- Untuk meningkatkan kapasiti pelaksanaan kerajaan, Jabatan Kerja Raya dan agensi berkaitan akan menambah kakitangan kontrak dan di mana sesuai, mereka boleh mengadakan penyumbangan luar kepada sektor swasta, dan

- Semua kementerian dikehendaki menyerahkan maklumat secara berterusan kepada Kabinet berkaitan jadual penghutang, sebagai tambahan kepada status pelaksanaan projek RMK-9 melalui ICU. Ini dapat memastikan pengawasan berterusan terhadap prestasi bayaran.

Abdullah, dalam kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri semalam, berkata kerajaan mengambil serius segala aduan berkaitan kelewatan bayaran berkenaan kerana ia memberi tanggapan negatif bahawa pelaksanaan projek RMK-9 akan lambat. Baru-baru ini, Menteri Kerjaraya,

Datuk Seri S Samy Vellu, berkata 18,000 kontraktor dan kontraktor kecil menghadapi masalah lewat atau belum menerima bayaran bagi pelbagai kerja bernilai RM23.7 bilion yang dilaksanakan sejak 2000.

Perdana Menteri berkata, bagi menyelesaikan isu berkaitan dengan cepat, Kementerian Kewangan sudah mengadakan mesyuarat bersama semua Ketua Setiausaha Kementerian Kerajaan Pusat pada 28 September lalu serta semua Setiausaha Kerajaan Negeri pada 2 Oktober lalu.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, mesyuarat juga mengenali pasti beberapa faktor menyebabkan kelewatan bayaran, antaranya:

- Masalah kontraktor utama tidak membayar kepada sub-kontraktor walaupun sudah menerima bayaran daripada kerajaan;
- Bil yang diberi kepada kerajaan

tidak dilengkapi dokumentasi sepenuhnya atau yang boleh menyokongnya, dan

- Kelewatan jururunding dalam menilai pelaksanaan kerja dan kemajuan fizikal projek.

FAKTA NOMBOR

Masalah bayaran kontraktor

18,000

Kontraktor terbabit sejak 2000

RM23.7b

Nilai kerja

Sementara itu di KOTA KINABALU, Perdana Menteri berkata, penekanan kepada pembangunan modal insan diutamakan dalam (RMK-9) bagi meningkatkan pencapaian bangsa dan negara ke tahap lebih tinggi.

Abdullah yang memberikan analogi mendaki gunung, berkata Malaysia ibarat berada di 'base-camp', tempat yang tinggi sebelum pendaki menuju ke puncak atau cubaan terakhir.

"Lazimnya pendaki yang kuat, cekal dan yakin akan teruskan pendakian tetapi dalam kes Malaysia kita mahu semua membuat lonjakan ke puncak kegemilangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam tazkirah ringkas selepas solat Maghrib berjemaah bersama pemimpin kerajaan, masyarakat dan komponen Barisan Nasional (BN) Sabah di Houtadi.